

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Welcome Centre
Sent: Wednesday, July 25, 2018 4:16 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: RAMAH MESRA BERSAMA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA



25 JULAI 2018 / 12 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

RAMAH MESRA BERSAMA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA



ANJUNG TAMU ONLINE: Setiap komponen dalam masyarakat perlu memainkan peranan bermula daripada individu, institusi keluarga, penduduk setempat sekaligus menjadi mata dan telinga kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam mengesan kes yang memerlukan perkhidmatan dan bantuan kebajikan masyarakat.

Menyedari tanggungjawab penting digalas warga kerja JKM, Executive Education & Professional Development (EEPD) di bawah naungan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHSGS) menganjurkan program Eksekutif Praktis Kerja Sosial (SPEC) bertujuan memperkasakan ilmu mereka.

Di samping itu, pelbagai program dan aktiviti diaturancang sebagai pemangkin kepada usaha ke arah penglibatan masyarakat secara holistik antaranya mengenal sejarah kampus di rimba hijau dan warga kerja UUM Sintok yang bermula di Welcome Centre.

Jelas Pegawai Khidmat Masyarakat, Mohd Taufiq Illias,

“Untuk mengenal dengan lebih mendalam tentang UUM.”

“Lawatan ke Welcome Centre ini amat bagus kerana dapat memberi lebih pengetahuan kepada kakitangan JKM.”

“Cadangan untuk memperluaskan lagi lawatan ke sekitar kawasan menarik yang terdapat di UUM.”

Selain leka berinteraksi, ucapan terima kasih dan rasa puas hati turut diucapkan 37 delegasi sejeurus selepas Discover UUM.

Pendek kata, perantara bagi menyampaikan maklumat bukan hanya terletak kepada bahu JKM sahaja malah peranan besar dimainkan oleh masyarakat sekeliling juga.

Seiring dengan itu, mengeratkan hubungan silaturahim antara UUM - JKM dapat menyemarakkan penglibatan universiti dalam kerja kebajikan dan kesukarelawan sebagai nilai tambah.

Hadir sama, Penolong Pegawai Tabdir EEPD, Nur Zakira Awang.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.